

٥- حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ قَالَ حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ أَبِي عَائِشَةَ قَالَ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى { لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ } قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَالِجُ مِنَ التَّنْزِيلِ شِدَّةً وَكَانَ إِذَا يُحَرِّكُ شَفَتَيْهِ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ فَأَنَا أُحَرِّكُهُمَا لَكُمْ كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَرِّكُهُمَا وَقَالَ سَعِيدُ أَنَا أُحَرِّكُهُمَا كَمَا رَأَيْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ يُحَرِّكُهُمَا فَحَرَّكَ شَفَتَيْهِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى { لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ } إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ { قَالَ جَمْعُهُ لَكَ فِي صَدْرِكَ وَتَقْرَأَهُ } فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ { قَالَ فَاسْتَمِعْ لَهُ وَأَنْصِتْ } ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ { ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا أَنْ تَقْرَأَهُ } فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا أَتَاهُ جِبْرِيلُ اسْتَمَعَ فَإِذَا انْطَلَقَ جِبْرِيلُ قَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا قَرَأَهُ

5- Musa (Abu Salamah) Bin Ismail (al-Minqari at-Tabuzaki m.223H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu 'Awanah (al-Waddhaah bin 'Abdillah al-Yasykuri m.196H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Musa (Abu al-Hasan al-Kufi al-Hamdaani) Bin Abi 'Aaisyah (tidak diketahui nama sebenarnya) meriwayatkan kepada kami, katanya: Sa'id Bin Jubair meriwayatkan kepada kami tentang tafsiran Ibni 'Abbaas berhubung dengan firman Allah s.w.t. berikut ini: لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ Bermaksud: "Janganlah engkau menggerak-gerakkan lidahmu untuk segera membacanya (al-Qur'an)". (Katanya) Rasulullah s.a.w. mengalami kesukaran⁴⁸ ketika menerima al-Qur'an dan Baginda

Sahih Bukhari atau Tajrid Sahih Bukhari (kitab Bukhari yang tidak dilengkapi sanad) dan terjemahan-terjemahannya, *Mutaaba'at* atau *Syawaahid* tidak dimasukkan bersama, kerana ia tidak dikira sebagai matan hadits. Berbeza dengan nuskah-nuskah Sahih Bukhari yang lengkap. Di dalamnya termuat semua sekali komentar Bukhari dalam apa bentuk sekalipun. Untuk memahami fiqh Bukhari secara mendalam, segala komentar beliau haruslah diketengahkan. Justeru ia sangat penting dan amat berma'na dalam usaha memahami maksud yang tersirat di sebalik tulisan seorang muhaddits ulung yang tidak ada tolok bandingnya.

⁴⁸ Kesukaran Nabi s.a.w. membaca ayat-ayat al-Qur'an di peringkat permulaan menerima wahyu disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah: (1) Sebagaimana telah diulas dalam perbincangan sebelum ini, wahyu al-Qur'an merupakan sesuatu yang amat berat untuk ditanggung oleh Nabi s.a.w. Hakikat ini dapat dilihat di dalam firman Allah s.w.t. ini: إِنَّا سَنُلْقِيْكَ أَلْقَانًا ثَقِيلًا Bermaksud: "Sesungguhnya kami akan menurunkan kepadamu perkataan yang berat." (al-Muzzammil:5). (2) Kesukaran menanggungnya ditambah lagi dengan cara penyampaian iaitu melalui kedatangan Jibril yang muncul bukan dalam rupa fizikal seorang manusia biasa. Walaupun di antara Nabi s.a.w. dan Jibril a.s. sudah wujud banyak persamaan kerana Baginda dan Jibril adalah sama-sama rasul pilihan Allah sepertimana firman-Nya: اللَّهُ

يُصْطَفَى مِنَ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ نَصِيرٌ Bermaksud: “Allah telah memilih rasul-rasul dari kalangan malaikat dan manusia. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (al-Hajj:75). Namun interaksi di antara dua makhluk yang berlainan jenis tetap menimbulkan kesukaran kepada Baginda s.a.w. (3) Kebimbangan Nabi s.a.w. terhadap keupayaan Baginda untuk menguasai ayat-ayat yang dibacakan Jibril, terutamanya jika ayat-ayat tersebut agak panjang atau jumlah ayat-ayat yang pendek agak banyak dan mengelirukan. Apatih lagi di samping terpaksa bertungkus lumus mengikuti bacaan Jibril, Baginda juga harus mengingat dan menyelami maksud ayat-ayatnya. (4) Kebimbangan akan terlepas mana-mana bahagian ayat yang dibacakan Jibril. Kebimbangan ini jelas dapat dilihat di dalam hadits di bawah Kitab at-Tafsir nanti. Di dalamnya tersebut begini: يَخْشَى أَنْ يُفْلِتَ مِنْهُ Bermaksud: Beliau s.a.w. bimbang apa yang dibacakan (Jibril) itu akan terlepas daripadanya. (5) Di bawah Kitab at-Tafsir juga nanti tersebut sebab kenapa Nabi s.a.w. sibuk menggerak-gerakkan lidah ketika Jibril membaca ayat-ayat al-Qur'an. Sebabnya ialah baginda hendak menghafal terus ayat-ayat itu. Teks hadits berkenaan begini adanya: يَرِيدُ أَنْ يَحْفَظَهُ . Keadaan itulah antara yang menyukarkan Baginda s.a.w. di peringkat permulaan menerima wahyu. **Dalam mentafsirkan ayat 16 hingga 19 Surah al-Qiyamah** tersebut, Ibnu 'Abbaas telah menggambarkan kesukaran dan reaksi Nabi s.a.w di peringkat permulaan Baginda menerima wahyu. Dalam tafsirnya, Ibnu 'Abbaas menyatakan sebab-sebab yang mendorong Nabi s.a.w. menggerakkan bibir seperti tersebut di dalam ayat berikut: (16) لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ dengan berkata; “Nabi s.a.w. mengalami kesukaran ketika turunnya wahyu dan Baginda menggerak-gerakkan kedua bibir Baginda”. Lantas sambil menggerak-gerakkan bibirnya, Ibnu 'Abbaas berkata, “Aku menunjukkan gerakan bibirku ini kepada kamu sepertimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.”. Manakala Sa'id Bin Jubair iaitu murid kepada Ibnu 'Abbaas, ketika beliau menyampaikan hadits ini kepada murid-muridnya berkata: “Aku menggerakkan kedua bibirku sebagaimana aku melihat Ibnu 'Abbaas menggerak-gerakkan kedua bibirnya”. Lalu beliau menggerak-gerakkan kedua bibirnya. Manakala dalam mentafsirkan ayat;(17) إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ Bermaksud: “Sesungguhnya Kami jamin untuk mengumpulkannya”. Ibnu 'Abbaas telah mentafsirkannya dengan; “Kami jamin untuk mengumpulkannya di dalam dadamu dan kami juga berikan jaminan bahawa kamu pasti akan dapat membacanya”. Dalam mentafsirkan ayat; (18) فَإِذَا قَرَأْتَ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ Bermaksud: “Apabila Kami telah selesai membaca, maka ikutlah membacanya”. Ibnu 'Abbaas berkata bahawa maksud ayat tersebut ialah: “Semasa ayat-ayat al-Qur'an dibacakan oleh Jibril, maka kamu hendaklah diam dan mendengar dengan baik”. Manakala tafsiran ayat;(19) ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ Bermaksud: Kemudian, sesungguhnya kepada Kami terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan). Ibnu 'Abbaas telah berkata, “Kemudian Kami jamin untuk engkau membacakannya”, iaitu untuk disampaikan bacaannya kepada orang lain pula. Jaminan ini merupakan satu mu'jizat yang diberikan kepada Nabi s.a.w, di mana Baginda sendiri mampu membacanya dan menyampaikan bacaannya kepada orang lain, walau sebanyak dan selama mana sekalipun yang Baginda kehendaki. **Mengenai percanggahan di antara firman Allah s.w.t.** yang merupakan teguran Allah kepada Baginda kerana menggerak-gerakkan lidah di dalam ayat;(16) لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ dan hadits ini, iaitu gambaran Ibnu 'Abbaas tentang bagaimana Nabi s.a.w. menggerak-gerakkan bibir melalui kata-katanya: وَكَانَ مِمَّا يُحَرِّكُ شَفَتَيْهِ, terdapat beberapa jawapan daripada para 'ulama' mengenainya. Antaranya ialah: (1) Ia termasuk dalam bab اكتفاء, iaitu berpada dengan hanya menyebutkan satu daripada dua atau lebih perkara yang berlawanan

dan bertentangan. Kaedah ini memang biasa diguna pakai dalam bahasa `Arab. Misalnya di dalam dua firman Allah berikut:

فَلَا أُقْسِمُ بِرَبِّ الْمَشَارِقِ وَالْمَغْرِبِ إِنَّا لَقَدِرُونَ ﴿٤٠﴾

Bermaksud: Maka aku bersumpah dengan Tuhan yang menguasai timur dan barat. Sesungguhnya Kami benar-benar Maha Berkuasa. (al-Ma'aarij:40). Sedangkan Allah juga menguasai utara, selatan dan arah-arrah yang lain. Jadi, walaupun dengan hanya menyebut timur dan barat, maksudnya adalah tetap merangkumi segala arah yang lain. Menyebutkan timur dan barat semata-mata itu adalah berdasarkan qaedah *اكتفاء* atau berpada dengan apa yang telah disebut sahaja. Ia sama sekali tidak menafikan kekuasaan Allah terhadap arah-arrah yang lain.

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّمَّا خَلَقَ ظِلَالًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ الْجِبَالِ أَكْنَسًا وَجَعَلَ لَكُم سَرَابِيلَ تَقِيكُمُ الْحَرَّ وَسَرَابِيلَ تَقِيكُمُ بَأْسَكُمْ

كَذَلِكَ يُتِمُّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تُشْكُرُونَ ﴿٤١﴾

Bermaksud: dan Allah menjadikan bagimu tempat bernaung dari apa yang telah Dia ciptakan, dan Dia jadikan bagimu tempat-tempat tinggal di gunung-gunung, dan Dia jadikan bagimu pakaian yang memeliharamu dari panas dan pakaian (baju besi) yang memelihara kamu dalam peperangan. Demikianlah Allah menyempurnakan nikmat-Nya atasmu agar kamu berserah diri (kepada-Nya). (an-Nahl:81). Sama juga dengan firman Allah ini, ia sama sekali tidak menafikan ada juga pakaian yang Allah jadikan untuk memelihara manusia dari sejuk. Menyebutkan pakaian yang memelihara manusia dari panas itu sebagai ni'mat Allah, tidak lebih daripada berikhtifaa' atau berpada dengan apa yang telah disebutkan semata-mata. Begitulah dengan kandungan hadits yang sedang dibincangkan sekarang. Kerana dari sudut logiknya pembacaan atau penyebutan tidak dapat tidak, mestilah dengan menggerakkan kedua-dua bibir atas dan bawah. Malah ia termasuk dalam qaedah *Lazim* dan *Malzum* iaitu sesuatu perkara atau perbuatan tidak boleh tidak harus disertakan dengan perkara atau perbuatan yang satu lagi. Jadi sebenarnya tidak timbul sebarang percanggahan di antara hadits dan al-Qur'an bila kedua-duanya menggunakan salah satu daripadanya dengan menggunakan kaedah *اكتفاء* tersebut. Malah ia menunjukkan bahawa al-Qur'an dan hadits saling dan sering menjelaskan ma'na satu sama lain. (2) Hadith ini diriwayatkan oleh Abu 'Awanah dan Isra'il daripada Musa bin Abi 'Aaishah dalam bentuk ringkas (مختصر). Ia hanya menyebutkan pergerakan bibir sahaja. Hadits seperti ini termasuk dalam bab hadits yang diringkaskan oleh perawi-perawi tertentu (من باب اختصار الرواة). Perawi yang terlibat dalam meringkaskannya di sini ialah Abu 'Awanah dan Isra'il. mereka berdua ialah yang menyebutkan pergerakan bibir sahaja itu. Riwayat Sufyan daripada Musa bin Abi 'Aaishah pula hanya menyebutkan lidah sahaja. Maka ia juga termasuk dalam hadits mukhtasar. Riwayat yang lengkap daripada Musa bin Abi 'Aaishah telah dikemukakan oleh Imam Bukhari di dalam *Kitab at-Tafsir* melalui saluran Jarir bin 'Abdil Hamid. Di dalam riwayat Jarir itu tersebut dengan jelas bahawa Baginda s.a.w menggerakkan lidah dan bibir kedua-duanya sekali. (3) Tujuan Allah s.w.t. menyebutkan lidah sahaja di dalam al-Qur'an ialah untuk menyatakan kepada Nabi s.a.w. yang baru dilantikNya, bahawa Dia mengetahui setiap tindakan hambanya. Dia adalah عالم الغيب والشهادة (Tuhan yang Maha mengetahui tentang perkara-perkara yang ghaib dan perkara-perkara yang nyata). Hinggakan pergerakan lidah yang tidak mampu dilihat oleh manusia sekalipun dilihat dan diketahuiNya. Sebaliknya tujuan hadits yang mengutamakan menyebut bibir pula ialah

seringkali menggerak-gerakkan bibir. Ibnu 'Abbaas mengatakan bahawa, "Aku menggerak-gerakkan bibirku sebagaimana Rasulullah s.a.w menggerak-gerakkan

kerana pergerakannya lebih mudah untuk ditunjukkan kepada orang lain. Contohnya Ibnu 'Abbaas dengan mudah telah menunjukkan aksi menggerakkan bibir kepada murid-muridnya. Tidak begitu keadaannya kalau beliau menggerakkan lidah. (4) Oleh kerana lidah memainkan peranan paling penting dalam percakapan dan ia merupakan punca sebenar bagi kemampuan pertuturan manusia, maka Allah menyebutnya secara khusus. Hadits pula menyebutkan sesuatu yang kelihatan kepada semua orang ketika seseorang bercakap dengannya. Ia tentunya bibir. (5) Nisbah (perhubungan) di antara lidah dan bibir ketika seseorang bercakap adalah nisbah talaazum. Tidak menyebutkan salah satu daripadanya tidak menimbulkan masalah, kerana kedua-duanya tidak mungkin dipisahkan dan sentiasa saling memerlukan. (6) Sama ada al-Qur'an atau hadits, kedua-duanya telah memakai satu qaedah mursal yang terkenal, iaitu **إطلاق الجزء وإرادة الكل** (sebut sebahagian tetapi yang dimaksudkan ialah keseluruhan). Keseluruhan yang dimaksudkan di sini ialah mulut. Jadi maksud Allah ialah jangan engkau menggerakkan mulutmu. Begitu juga maksud Ibnu 'Abbaas, Nabi s.a.w. menggerak-gerakkan mulutnya. Bukankah terletak di mulut manusia itu bibir dan lidahnya?! **Mengenai perbezaan lafaz di antara** kata-kata Ibnu 'Abbaas dan muridnya Sa'id Bin Jubair pula, iaitu Sa'id mengatakan bahawa, "Aku menggerakkan kedua bibirku sebagaimana aku melihat Ibnu 'Abbaas menggerak-gerakkan kedua bibirnya", man'aqala Ibnu 'Abbaas pula berkata, "Aku menunjukkan gerakan bibirku ini kepada kamu sepertimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.", para 'ulama' telah menyimpulkan beberapa jawapan. Antaranya ialah: (1) Ibnu 'Abbaas sebenarnya tidak melihat sendiri aksi yang diajuk oleh beliau daripada Nabi s.a.w. tersebut, sepertimana Sa'id bin Jubair yang jelas telah melihatnya daripada aksi beliau melakukannya. Sebaliknya beliau hanya melihatnya dilakukan oleh sahabat lain yang melihat Nabi s.a.w. menggerak-gerakkan bibir Baginda s.a.w. Ini kerana peristiwa Nabi s.a.w. mendapat teguran ekor perbuatan Baginda menggerak-gerakkan bibir atau lidah Baginda tersebut berlaku sewaktu tempoh permulaan Baginda mendapat wahyu, sedangkan tarikh kelahiran Ibnu 'Abbaas hanya dicatat tiga tahun sebelum Hijrah. Jadi ini berma'na riwayat Ibnu 'Abbaas di atas adalah riwayat *Mursal Sahabi*. Menurut jumhur 'ulama', mursal sahabi juga boleh dijadikan hujah. (2) Sebahagian 'ulama' yang lain mengatakan bahawa tidak semestinya apabila Ibnu 'Abbaas tidak menyebutkan bahawa beliau melihatnya sendiri, membawa maksud beliau tidak pernah melihatnya. Kerana boleh jadi aksi tersebut telah ditunjukkan semula oleh Nabi s.a.w ketika menceritakan kembali peristiwa berkenaan pada waktu yang lain, sebagaimana biasa dilakukan oleh Baginda. Kalau begitu, hadits ini tidak dikira mursal lagi, malah ia juga termasuk dalam hadits muttashil. **Berkenaan dengan teknik periwayatan** hadits ini, di mana setiap perawi mengajuk aksi perawi di atasnya. Sa'id bin Jubair mengajuk perbuatan Ibnu 'Abbaas di hadapan muridnya Musa bin Abi 'Aaishah dan Ibnu 'Abbaas pula mengajuk perbuatan Nabi s.a.w. di hadapan muridnya Sa'id bin Jubair. Hadits yang diriwayat dengan menggunakan teknik seperti ini dipanggil hadits Musalsal. Dan Musalsal Ibnu 'Abbaas di dalam hadits di atas dipanggil **(مسلسل بتحريك الشفتين)** iaitu *Musalsal* dengan menggerak-gerakkan bibir. Bagaimanapun seperti kata al-Qasthallaani, tasalsulnya tidak berterusan sampai ke bawah. Ia terputus di tengah jalan. Demikianlah keadaan kebanyakan hadits musalsal. Mesti ada saja di mana-mana ia terputus. Hadits musalsal yang paling sahih menurut para 'ulama' ialah hadits **المسلسل بقراءة سورة الصف**.

bibirnya”. Sa’id juga berkata; “Aku menggerak-gerakkan kedua-dua bibir sebagaimana Ibnu ‘Abbaas menggerak-gerakkannya”. Maka beliau menggerak-gerakkan kedua bibirnya. Kemudian Allah s.w.t. menurunkan firmanNya: لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ (16) إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ (17) “Janganlah kamu menggerakkan lidahmu untuk membaca al-Qur’an itu untuk engkau segera mendapatkannya. Sesungguhnya Kami jamin akan mengumpulkannya dan membacakannya”. Ibnu ‘Abbaas berkata bahwa Allah s.w.t. akan mengumpulkannya di dalam dadamu dan memberikan kemampuan kepadamu untuk membacanya.⁴⁹ Seterusnya, Allah s.w.t. berfirman: فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ (18) “Apabila Kami selesai membaca, maka ikutlah membacanya”. Ibnu ‘Abbaas mengatakan bahwa maksudnya ialah; “Dengarlah bacaan itu dan diamlah”. Dan firman Allah s.w.t. seterusnya ialah; ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ (19) “Kemudian, sesungguhnya kepada Kami terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan).” Maksudnya ialah; “Kami jamin engkau akan dapat membacanya selepas itu”. Setelah itu, apabila Rasulullah

⁴⁹ Sekiranya keseluruhan kandungan hadits ini diperhatikan, anda akan dapati terdapat dua kali tafsiran Ibnu ‘Abbaas yang membawa maksud: “*Engkau akan dapat membacanya*”. Yang pertama semasa mentafsirkan ayat yang ke tujuh belas iaitu; (17) إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ. Beliau mentafsirkannya dengan; وَتَقْرَأُكَ فِي صَدْرِكَ وَتَقْرَأُ. Dalam tafsiran ini terdapat perkataan وَتَقْرَأُ. Dan yang keduanya ialah semasa mentafsirkan ayat yang ke sembilan belas iaitu; (19) ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ. Beliau mentafsirkannya dengan; ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا أَنْ تَقْرَأَهُ. Di sini juga terdapat perkataan أَنْ تَقْرَأَهُ. Walaupun anda dapati ada pengulangan dalam tafsir beliau, tetapi kedua-duanya membawa maksud yang berbeza. Kerana tafsiran pertama bermaksud: “*Kami jamin akan mengumpulkan al-Qur’an itu di dalam dadamu dan kamu akan dapat membacanya*”. Maksudnya ialah membaca untuk dirimu sendiri. Manakala tafsiran bagi ayat yang kedua mempunyai pelbagai maksud yang lain. Antaranya ialah: (1) “*Kemudian Kami jamin engkau dapat **membacakannya***”. Maksudnya ialah membacakan bacaannya kepada orang lain pula. (2) “*Kemudian Kami jamin engkau dapat **membacanya***”, iaitu membacanya dengan memahami ma’na dan maksud yang tersirat di sebalik setiap ayat yang kamu bacakan. (3) “*Kemudian Kami jamin engkau dapat **membacakannya***”. Maksudnya ialah menjelaskan ma’na dan tuntutan setiap ayat yang kamu bacakan kepada orang lain. Tafsiran ini terdapat di dalam *Sahih Bukhari* iaitu di dalam *Kitab at-Tafsir* yang menjelaskan bahawa tafsiran Ibnu ‘Abbaas untuk ‘*membacanya*’ pada kali yang kedua ialah; عَلَيْنَا أَنْ نُبَيِّنَ بِلِسَانِكَ “*Kami jamin akan menjelaskannya melalui lidahmu*”. Tafsiran ini amat sesuai dengan tugas Nabi s.a.w. iaitu sebagai *Mubayyin* yang bererti penerang atau penjelas, sebagaimana disebut Allah sendiri menerusi firman berikut:

وَأَنزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ لَتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Bermaksud: ...dan Kami turunkan kepadamu al-Qur’an, agar kamu menerangkan / menjelaskan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya. (An-Nahl:44).

s.a.w didatangi Jibril, Baginda hanya mendengar terlebih dahulu bacaan Jibril. Kemudian, apabila Jibril telah berlalu, Baginda s.a.w mampu membacanya sebagaimana yang dibaca oleh Jibril sebelum itu.⁵⁰

⁵⁰ Berhubung dengan kesesuaian maksud hadits-hadits yang terkandung di dalam bab ini dengan tajuknya sebagaimana yang telah penulis sentuh dalam perbincangan terdahulu, anda akanapati hadits yang ke empat di dalam bab ini lebih bersesuaian dan lebih menepati maksud tajuknya: “*Bagaimana permulaan datangnya wahyu kepada Rasulullah s.a.w*”. Sudut kesesuaian yang ditunjukkan oleh kandungan hadits ini ialah kegopohan Baginda untuk mengikut bacaan Jibril a.s dengan menggerak-gerakkan bibir Baginda sebelum Jibril menamatkan sesuatu bacaan, kerana Baginda masih belum biasa dengan pengalaman menerima dan mengungkapkan kembali ayat-ayat al-Qur’an yang diajarkan oleh Jibril a.s. Ditambah pula oleh kebimbangan Baginda s.a.w. terhadap keupayaan diri untuk menguasai setiap bacaan yang dilafazkan oleh Jibril. Nabi s.a.w. bertindak mempercepatkan bacaan dengan mengejar-ngejar bacaan Jibril agar setiap pengajaran yang meniti keluar daripada bibir Jibril a.s. tidak akan terlepas atau tertinggal jauh daripada penguasaan hafalan Baginda. Situasi sebegini jelas menunjukkan bahawa ia hanya berlaku di peringkat permulaan mendapat wahyu sahaja. Memandangkan keadaan Nabi s.a.w. yang seolah-olah tidak yakin dengan kemampuannya untuk membaca selepas Jibril selesai menyampaikan wahyu itu, Allah s.w.t. telah menegur dan meyakinkan Nabi s.a.w. bahawa urusan pengumpulan dan pembacaan al-Qur’an bukanlah tugas yang dibebankan kepada Baginda. Sebaliknya ia adalah kerja Allah s.w.t. Akhirnya Nabi s.a.w tidak lagi mengejar-ngejar bacaan Jibril. Malah Baginda akan mendengar dengan tekun dan teliti terlebih dahulu bacaan Jibril. Setelah Jibril selesai membaca sejumlah ayat-ayat yang ditetapkan, barulah Baginda memulakan bacaannya dengan perasaan yang lebih tenang. Namun di samping kesesuaian zahir yang terkandung di dalam hadits ini dengan *Tarjamatul Bab* atau tajuknya yang menceritakan tentang permulaan wahyu itu, para ‘ulama’ juga telah mengesan beberapa kesesuaian lain yang terdapat di dalamnya. Antaranya ialah: (1) Tajuk tersebut juga mengandungi maksud tersirat yang menyerlahkan kehebatan dan keagungan al-Qur’an. Hakikat ini terbukti oleh keadaan Nabi s.a.w yang masih merasa gugup dan bimbang terhadap keupayaan diri untuk menguasai dan mengungkapkan wahyu yang diterima. Meskipun Nabi s.a.w. tentunya sedar bahawa Beliau adalah orang yang terpilih di antara sekalian makhlukNya, dan sekali gus diberikan kelayakan dan kemampuan yang mencukupi untuk menyempurnakannya. (2) Kerinduan yang amat mendalam di dalam jiwa Nabi s.a.w. terhadap kedatangan al-Qur’an yang ditunggu-tunggu sebelumnya telah menyebabkan Baginda tidak sabar-sabar lagi untuk membacanya, sehingga Baginda terus saja memulakan bacaan walaupun belum sempat Jibril menyempurnakan bacaannya terlebih dahulu. **Daripada maksud ayat yang ke sembilan** belas ini, sesetengah ‘ulama’ telah menyimpulkan satu qaedah Usul dalam ilmu Usul Fiqh, berbunyi: تأخير البيان عن وقت الخطاب Bermaksud: Menangguhkan keterangan (terperinci) tentang sesuatu daripada waktu ia disampaikan. Dalam erti kata yang lain, menjelaskan perincian maksud sesuatu kata-kata yang diucapkan atau disampaikan secara umum sebelumnya. Contohnya dalam mendirikan sembahyang, perincian kepada ibadah sembahyang seperti syarat dan rukunnya belum diperjelaskan lagi oleh syariat, walaupun sembahyang itu sendiri telahpun diperkenalkan terlebih dahulu. Hanya selepas kewajipan mendirikanNya diisytiharkan, barulah

segala perincian yang berkaitan dengan hukum mendirikannya diperjelaskan oleh syariat. Inilah yang menjadi pegangan bagi sesetengah 'ulama' Fiqh yang menganggap bahawa menangguk keterangan terperinci tentang sesuatu daripada waktu ia disampaikan adalah harus dan mungkin berlaku. **Sekiranya ayat-ayat 16 hingga 19 Surah al-Qiyaamah** ini diperhatikan, ayat-ayat yang ditafsirkan oleh Ibnu 'Abbaas itu terletak di tengah-tengah *Surah al-Qiyaamah* tersebut. Ia secara zahirnya tidak kelihatan mempunyai perkaitan dan kesinambungan dengan maksud ayat-ayat yang berada sebelum dan selepasnya. Dalam istilah ilmu tafsir, ayat-ayat yang tersebut selepas ayat-ayat berkenaan dipanggil *Siyaaq* (سياق) dan ayat-ayat yang telah tersebut sebelumnya pula dipanggil *Sibaaq* (سبق). Justeru ayat-ayat yang berada selepas (سياق) dan sebelumnya (سبق) membicarakan tentang peristiwa hari Qiamat. Ayat-ayat yang ditafsirkan oleh Ibnu 'Abbaas itu pula berkaitan dengan teguran Allah terhadap NabiNya kerana tergesa-gesa mengikuti bacaan Jibril di peringkat permulaan penurunan wahyu. Ayat-ayat itu juga memaparkan jaminan Allah terhadap kemampuan NabiNya mengingati dan membaca al-Qur'an serta memahami maksudnya dengan baik sebaik saja selesai Jibril menyampaikannya. Ayat-ayat yang zahirnya tidak kelihatan mempunyai perkaitan dan kesinambungan spt ini menyebabkan segolongan manusia meragui al-Qur'an sebagai kalam Allah. Inilah salah satu alasan golongan Syi'ah yang mempertikaikan keaslian al-Qur'an. Sesetengah mereka mendakwa bahawa kandungan sebenar al-Qur'an adalah sebanyak empat puluh juzu', tetapi malangnya sepuluh juzu' daripadanya telah dibuang oleh Saiyyidina 'Utsman. Itulah sebabnya kita sering dapati banyak daripada ayat-ayat al-Qur'an tidak berkaitan di antara satu sama lain. Di celah-celah ayat-ayat al-Qur'an yang ada di tangan umat Islam hari ini, entah sebanyak mana telah dibuang oleh Saiyyidina 'Utsman dan kunci-kuncunya. Kononnya yang dibuang itu ialah ayat-ayat ttg kelebihan dan keutamaan imam-imam mereka dari kalangan Ahlul Bait. Namun, semua itu tidak lebih daripada da'waan dan tuduhan yang tidak berasas semata-mata. Dalam menghuraikan masalah ayat-ayat al-Qur'an yang kelihatan tidak berkaitan dan tidak bersesuaian di antara satu dengan yang lain itu para 'ulama' telah mengemukakan sepuluh jawapan berikut: (1) Batasan 'aql manusia amat terhad. Untuk merungkai persoalan-persoalan yang berlegar di sekeliling kita pun, tidak pernah kita mampu. Ambil saja sebagai contoh, kenapakah kita dilahirkan selepas kedua ibu bapa kita? Kenapa anda jadi anak kelima bagi kedua ibu bapa anda? Manusia tidak mampu merungkai persoalan-persoalan itu, kerana ia tidak berkait dengan perbuatan mereka. Malah ia berkait dengan kekuasaan, kejadian dan kehendak Allah s.w.t. Yang Maha Mengetahui tentang segala sesuatu. Apatah lagi untuk menyelami rahsia kesinambungan di sebalik perkataan dan kenyataanNya sendiri. Jadi setiap keterangan al-Qur'an yang kelihatan seolah-olah tidak mempunyai pertalian dan perkaitan, sebenarnya mempunyai perkaitan di antara satu sama lain. Hanya pengetahuan manusia yang cetek saja masih belum mampu untuk mengaitkan kesinambungannya. (2) Imam ar-Razi mempunyai pandangannya yang tersendiri. Di dalam tafsirnya, *Mafaatihul Ghaib*, di samping mengemukakan beberapa tafsiran yang lain, beliau juga mengumpamakan teguran Allah s.w.t. terhadap Nabi s.a.w. di tengah-tengah perbincangan tentang Qiamat dengan seorang guru yang menegur muridnya yang didapati tersasar fokusnya daripada tajuk pelajaran yang sedang dibincangkan. Lantas si guru berkata: "Jangan hilang tumpuan dan jangan berpaling ke kanan dan ke kiri." Setelah itu si guru meneruskan pula perbincangan yang telah dimulakannya sebelum itu. Apabila pelajaran yang disampaikan guru tersebut dinukilkan bersama-sama tegurannya terhadap murid tadi dibaca oleh orang yang tidak mengetahui latar belakangnya, tentu sekali ia akan

berkata: “Bahagian (teguran) ini nampak tidak ada kena mengena dan tidak sesuai langsung dengan bahagian sebelum (سبق) dan selepasnya (سباق).” Tetapi kepada orang mengetahui latar belakangnya pula, tidak ada apa yang tidak kena di dalam nukilan itu pada pandangannya. Begitulah juga dengan teguran Allah di dalam Surah al-Qiyaamah ini. Apabila Nabi s.a.w. menggerak-gerakkan lidah dan mempercepatkan bacaan agar tidak ada yang disampaikan oleh Jibril itu terlepas daripadanya atau kerana rindu sangat untuk membaca wahyu yang diturunkan, Baginda s.a.w. ditegur oleh Allah s.w.t. Apa yang dikehendaki daripada Baginda s.a.w. ialah menumpukan sepenuh perhatian kepada bacaan Jibril a.s. Adapun kemampuan mengingat lafaz-lafaznya, menghayati ma'na-ma'nanya dan menjelaskan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya, semua itu termasuk dalam perkara-perkara yang dijamin Allah akan dijaga dan disempurnakanNya. (3) Az-Zamakhshari mentafsirkan, setelah Allah s.w.t. bersumpah dengan hari kiamat dan menggesa manusia supaya berfikir dan mengambil berat tentang apa-apa yang akan berlaku pada hari itu nanti (الأجلة). Inilah yang ditekankan Allah di dalam *Sibaq* ayat-ayat yang sedang kita bicarakan sekarang. Allah s.w.t. juga secara tersirat mencela dunia yang fana ini (العاجلة). Oleh kerana Nabi s.a.w. juga hendak cepat menguasai apa yang disampaikan oleh Jibril kepadanya dan tidak sabar-sabar menanti Jibril membacanya samapi habis, Baginda s.a.w. ditegur oleh Allah. Kerana sifat hendak cepat dan gopoh (العجلة) spt itu adalah tercela dan ia merupakan salah satu sifat dunia dan penghuninya yang fana. Sifat itu tetap tercela walaupun untuk menguasai ilmu-ilmu agama. Kemudian selepasnya, baru Allah mencela secara terang dunia yang fana ini (العاجلة) menerusi firmanNya: *كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ* Bermaksud: Sekali-kali janganlah demikian. Sebenarnya kamu (wahai manusia) mencintai kehidupan dunia. (al-Qiyaamah:20). (4) Al-Qaffaal pula mentafsirkan bahawa teguran yang tersebut di dalam ayat: *لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ* itu bukanlah ditujukan kepada Nabi s.a.w. Sebaliknya ia ditujukan kepada seluruh umat manusia. Kerana setiap manusia di hari Qiamat kelak akan membaca buku suratan amalan masing-masing berdasarkan firman Allah s.w.t. di dalam ayat:

أَقْرَأْ كِتَابَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ الْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ۝١٠

Bermaksud: Bacalah buku (suratan amalanmu), cukuplah engkau sendiri pada hari ini menjadi penghitung terhadap dirimu (tentang segala yang telah engkau lakukan). (al-Israa':14). Menurut al-Qaffaal, perkara ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. di dalam *Sibaaq* ayat-ayat tersebut iaitu di dalam ayat ke tiga belas sebelumnya:

يُنَبِّئُوا الْإِنْسَانَ يَوْمَئِذٍ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ۝١٣

Bermaksud: Pada hari itu, manusia akan diberitahu tentang apa yang ia telah lakukan, dan apa yang ia telah tinggalkan. (al-Qiyaamah:13). Lalu apabila bacaan mereka sampai kepada catitan-catitan amalan buruk masing-masing, mereka akan mempercepatkan bacaan kerana gerun dan takut kepada balasan yang akan diterima serta malu untuk mendedahkannya di hadapan khalayak ramai di Mahsyar nanti. Pada ketika itulah dikatakan kepadanya:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۝١٤

Menurut al-Qaffaal, maksudnya ialah janganlah engkau membaca dengan cepat suratan amalanmu itu. Kerana;

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۝١٥